

SOALAN NO: 226

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN M. KULASEGARAN

SOALAN:

TUAN M. KULASEGARAN [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:**

- (a) objektif dan sebab utama perhimpunan semua Pengerusi Mahkamah Perusahaan (*Industrial Court Chairman*) di Kuching pada bulan januari 2016. Sekiranya perhimpunan tersebut merupakan persidangan, apakah kandungan persidangan tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah ditanggung oleh Kerajaan.

PR-1341-T71846

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Seminar Perhubungan Perusahaan dan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Yang Di-Pertua dan Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia telah berlangsung pada 20 – 22 Januari 2016 di Kuching, Sarawak.
2. Dalam program tersebut, sesi Seminar Perhubungan Perusahaan telah diadakan yang dihadiri oleh 400 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, majikan, kesatuan sekerja dan NGO. Seminar yang bertajuk "*Proportionality of Punishment Pursuant to a Finding of Guilt of a Misconduct*" telah disampaikan oleh Encik P. Iruthayaraj Pappusamy iaitu mantan Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Peserta juga telah diberikan pendedahan tentang pandangan (*inside view*) Mahkamah Perusahaan dalam menangani dan menguruskan kes-kes yang berkaitan salahlaku (*misconduct*) secara khususnya dan pertikaian perusahaan (*trade dispute*) secara amnya. Seminar ini adalah percuma dan tiada sebarang kos dikenakan kepada peserta seminar.

Tuan Yang DiPertua,

3. Program ini diadakan di Kuching bagi memberi pendedahan kepada masyarakat Sarawak berkenaan kewujudan dan peranan Mahkamah Perusahaan di samping memberi kesedaran serta menggalakkan warga kerja di sana merujukkan kes mereka ke Mahkamah Perusahaan.

4. Dalam program ini juga, suatu Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan oleh YB Menteri Sumber Manusia telah berlangsung yang melibatkan mereka yang baru dilantik iaitu;

- i) Y.A. Tuan Ishak bin Mohd Yusoff
Yang Di-Pertua Mahkamah Perusahaan Malaysia;
- ii) Y.A. Puan Ani ak Solep @ Julia Anne Marie Solep
Pengerusi Mahkamah Perusahaan, Cawangan Sarawak;
- iii) Y.A. Tuan Mohd Azari bin Harun
Pengerusi Mahkamah Perusahaan, Cawangan Johor

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Dalam program ini juga, suatu bengkel dalaman telah diadakan bagi membincangkan Prestasi Pencapaian Mahkamah Perusahaan bagi tahun 2015 dan merangka Pelan Strategik bagi tahun 2016.

6. Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini melibatkan kos yang minimum berjumlah RM55,000.00 sahaja meliputi pakej persidangan untuk empat ratus (400) peserta dan kos pengangkutan urus setia dan Pengerusi-Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Program ini julung kali diadakan di Sarawak telah memberi manfaat besar kepada peserta dan Mahkamah Perusahaan dalam memperkemaskan lagi perjalanan dan govenan Mahkamah.